

17/09/2003

Bukan bajet pilihan raya: PM

PUTRAJAYA: Bajet yang disediakan kerajaan bukan bertujuan memenangi pilihan raya tetapi memastikan wang yang ada digunakan secara berhemah dan rakyat menikmati kesenangan hasil perbelanjaan itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan yang membelanjakan wang secara boros dan dengan tujuan tertentu seperti memenangi pilihan raya, berkemungkinan berhutang besar sehingga muflis.

Katanya, walaupun banyak pihak mendakwa setiap bajet sebagai bajet pilihan raya, apa yang dilakukan kerajaan adalah berdasarkan kemampuan dan untuk kebaikan bersama.

"Jika kita belanja yang bukan-bukan kerana nak menang pilihan raya akhirnya negara akan bankrap," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis makan malam Bajet 2004 di Kementerian Kewangan di sini malam tadi bagi meraikan petugas Perbendaharaan yang terbabit dalam penyediaan Bajet 2004 yang dibentangkannya Jumaat lalu.

Turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis; Menteri Pengangkutan, Datuk Chan Kong Choy dan pegawai kanan kerajaan.

Majlis itu juga sebagai tanda penghargaan kepada Chan yang dinaikkan pangkat sebagai Menteri Pengangkutan. Beliau sebelum ini adalah Timbalan Menteri Kewangan Kedua.

Perdana Menteri berkata, banyak negara membuat bajet tanpa mengambil kira kemampuan sehingga menyebabkan mereka terus berhutang.

"Kalau kita hutang untuk melabur tak mengapa, tapi hutang untuk belanja hangus, percayalah kita akhirnya ditimpa beban hutang ini dan kita mungkin menjadi bankrap," katanya.

Perdana Menteri juga menjelaskan kemampuan kerajaan adalah terhad dan tidak mungkin dapat memenuhi permintaan semua pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan rakan dialog bajet.

Dr Mahathir secara berseloroh berkata: "Ramai yang berkata ini bajet pilihan raya dan kali ini tepat kerana kita tidak boleh ada satu lagi bajet sebelum pilihan raya akan datang."